



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera
24 Mac 2015**

ASNБ UMUM AGIHAN PENDAPATAN ASM DAN TIGA TABUNG ASG

KUALA LUMPUR -- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNБ), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan untuk Amanah Saham Malaysia (ASM), beserta ketiga-tiga tabung di bawah naungan Amanah Saham Gemilang (ASG) iaitu ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persaraan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015.

Pemegang unit ASM akan menerima pengagihan pendapatan sebanyak 6.60 sen seunit, manakala ASG-Pendidikan akan menerima pengagihan pendapatan sebanyak 7.10 sen seunit, ASG-Kesihatan 7.20 sen seunit dan ASG-Persaraan 7.05 sen seunit.

Pengagihan pendapatan ini diumumkan dalam suasana kejatuhan pasaran saham yang terjejas akibat kejatuhan mendadak harga minyak serta penyusutan nilai Ringgit berbanding Dollar Amerika. Keadaan pasaran dijangka akan terus dipengaruhi oleh persekitaran global dalam jangka masa pendek dan sederhana berikutan pertumbuhan tidak setara ekonomi global dan perbezaan kadar faedah antara negara-negara ekonomi utama dan membangun yang akan mempengaruhi aliran pelaburan dana antarabangsa.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, prestasi ASM dan ketiga-tiga tabung ASG pada tahun ini adalah masih baik dan kompetitif meskipun situasi ekonomi dan pelaburan semasa agak mencabar.

“Dari tempoh 1 April 2014 sehingga 20 Mac 2015, indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) telah mengalami penurunan sebanyak 2.46% daripada paras 1,849.21 mata kepada paras 1,803.65 mata.”

“Ini berikutan keadaan persekitaran yang masih tidak menentu akibat kejatuhan harga minyak mentah dunia dan penyusutan nilai mata wang Ringgit berbanding dolar Amerika, serta krisis hutang di benua Eropah yang berterusan,” ulas beliau.

Untuk pengagihan pendapatan ASM, ASNБ telah memperuntukkan sebanyak RM 1.01 bilion, peningkatan sebanyak 6.8% berbanding RM945.24 juta yang telah diperuntukkan pada tahun lalu, yang akan memanfaatkan seramai 537,975 pemegang unit yang telah melanggan 15.29 bilion unit.

Sehingga 22 Mac 2015, ASM telah memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM1.24 bilion. Keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat

menyumbang sebanyak RM599.5 juta atau 48.5% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut.

Manakala pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM459.9 juta atau 37.2%, dan selebihnya sebanyak RM177.6 juta atau 14.3% diperoleh melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASM adalah berdasarkan kepada purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan tabung ASM.

Sementara untuk pengagihan pendapatan ASG-Pendidikan, ASNB telah memperuntukkan sejumlah RM29.86 juta yang akan memanfaatkan 52,250 pemegang unit yang melanggan 420.5 juta unit tabung ini.

Sehingga 22 Mac 2015, ASG-Pendidikan mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM21.5 juta. Daripada jumlah ini, RM10.3 juta atau 48% merupakan keuntungan penjualan saham dalam syarikat-syarikat, manakala RM7.4 juta atau 34.4% merupakan pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat. Baki RM3.8 juta atau 17.6% pula diperoleh melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek.

Bagi ASG-Kesihatan, ASNB telah memperuntukkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM39.52 juta yang akan dinikmati oleh 34,677 pemegang unit yang telah melanggan 548.9 juta unit tabung ini.

Sehingga 22 Mac 2015, ASG-Kesihatan memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM22.01 juta. Daripada jumlah ini, pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM11.06 juta atau 50.2%, manakala keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM7.48 juta atau 34% daripada pendapatan kasar tersebut. Dan selebihnya sebanyak RM3.47 juta atau 15.8% diperoleh melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek.

Untuk ASG-Persaraan pula, ASNB telah memperuntukkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM12.53 juta yang akan memanfaatkan 10,555 pemegang unit yang telah melanggan 177.7 juta unit tabung ini.

Sehingga 22 Mac 2015, ASG-Persaraan memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM8.66 juta, yang mana pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM3.40 juta atau 39.3%, manakala pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek menyumbang sebanyak RM2.20 juta atau 25.4%. Sementara lebih RM3.06 juta atau 35.3% diperoleh melalui keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persaraan adalah berdasarkan baki unit yang dipegang oleh para pemegang unit pada 31 Mac 2015, iaitu hari terakhir tahun kewangan bagi ketiga-tiga tabung ini.

Bagi membolehkan pemegang-pemegang unit menikmati pulangan daripada pertumbuhan unit-unit amanah ASM dan ketiga-tiga tabung ASG, pembayaran pengagihan pendapatan akan dilabur semula dalam bentuk unit secara automatik dan dikreditkan ke dalam buku pelaburan pemegang unit pada 1 April 2015. Bagi tabung-tabung di bawah naungan ASG, unit-unit yang dikreditkan adalah berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) seunit bagi setiap tabung pada 31 Mac 2015.

Sementara pembayaran pengagihan pendapatan untuk pemegang unit yang melanggan unit-unit ASG menerusi Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Kesemua urusan niaga bagi tabung ASM dan ketiga-tiga tabung ASG di Ibu Pejabat ASNB, pejabat-pejabat ASNB dan ejen-ejen ASNB telahpun ditangguhkan mulai 22 Mac hingga 31 Mac 2015 bagi tujuan pengiraan pendapatan.

Para pemegang unit boleh mengemaskinikan buku pelaburan masing-masing di pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 April 2015 apabila urusan niaga dibuka seperti biasa.

ASM adalah 'Dana Ekuiti Pendapatan' yang bermatlamat memberi peluang kepada para pemegang unit membuat pelaburan jangka panjang bagi memperoleh pulangan yang kompetitif dan berterusan menerusi pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan.

Manakala ketiga-tiga tabung unit amanah di bawah naungan ASG merupakan 'Dana Pertumbuhan dan Pendapatan' dengan objektif serta pembahagian aset yang berbeza bagi setiap tabung. Dana harga berubah-ubah ini membolehkan setiap pelabur melanggan unit-unit dalam ketiga-tiga tabung ini tanpa had, dan tersenarai dalam Skim Pelaburan Ahli KWSP.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Aminah Haji Mahadi
Pengurus Kanan
Jabatan Komunikasi Korporat
Tel : 03-2050 5445
Faks : 03-2050 5268
E-mail: aminah_hm@pnb.com.my